

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Fokus baik ke pincangan ekonomi

Fokus baik ke pincangan ekonomi

Tiga tumpuan utama kerajaan menerusi dana RM393.8 bilion tingkat darjat hidup rakyat



ping memastikan khazanah watan menghasilkan kemalanharian buat seluruh rakyat. "Arahan, sebuah islah perlu dilaksanakan sungsungupn sukar. Ini termasuk meluaskan asas hasil, melaksanakan subsidi bersasar dan membasmi segala bentuk rasuah dan penyelewengan yang sistemik.

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam membentangkan Belanjawan 2024 bertema Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat dengan peruntukan tertinggi RM393.8 bilion, dengan matlamat utama meningkatkan darjat hidup rakyat dan ekonomi negara.

Belanjawan MADANI kedua oleh Kerajaan Perpaduan memfokuskan tumpuan memperbaiki kepincangan dalam sistem ekonomi negara bermula dengan memperbaiki tata kelola, sistem tadwir urus dan mambanteras rasuah.

Perdana Menteri mendedahkan antara contoh ketara masalah dalam sistem ekonomi Malaysia adalah pelaksanaan sistem subsidi paku yang turut memanfaatkan golongan elit dan mahakaya.

"Seharusnya kebijakan ekonomi terarah kepada pertumbuhan dan pemerataan ekonomi. Namun, apa yang berlaku adalah jumlah subsidi besar yang memberi manfaat kepada golongan kaya.

"Adalah diharapkan dengan memperbaiki ketirisan subsidi, hasil dapat diagihkan secara adil kepada rakyat, termasuk kenaikan upah golongan pekerja," katanya di Dewan Rakyat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Belanjawan 2024 mahu memperbaiki ketirisan hutang dan liabiliti negara menjangkau RM1.5 trilion atau 82 peratus daripada unjuran hasil 2024.

"Hanya dengan mengurangkan defisit dan tanggungan, kerajaan dapat mengembalikan kedudukan fiskal negara yang mampan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Belanjawan 2024 adalah kesinambungan dasar Kerangka Ekonomi MADANI yang dilancarkan pada 27 Julai lalu, dengan tiga tumpuan utama, iaitu tata kelola terbaik demi ketangkasan perkhidmatan, penstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan dan peningkatan darjat hidup rakyat.

"Sumber kewangan negara harus diurus dengan cekap di samping memastikan khazanah watan menghasilkan kemalanharian buat seluruh rakyat. "Arahan, sebuah islah perlu dilaksanakan sungsungupn sukar. Ini termasuk meluaskan asas hasil, melaksanakan subsidi bersasar dan membasmi segala bentuk rasuah dan penyelewengan yang sistemik.

"Kita juga memerlukan perkhidmatan awam yang efisien, cerdas dan tangkas dalam menjayakan agenda pembangunan semula negara," katanya.

Anwar memberi jaminan hasil negara yang bertambah daripada penstrukturan semula ekonomi dan fiskal akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap lebih bermakna, termasuk penyaluran terus bantuan tunai kepada rakyat susah, di samping menyediakan pendidikan, kesihatan dan infrastruktur asas berkualiti.

Sebanyak RM58.1 bilion disediakan untuk membiayai pelbagai bentuk pemberian kerajaan kepada rakyat merangkumi subsidi, insentif dan bantuan, dengan 50 peratus peruntukan adalah untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan untuk manfaat rakyat.

Jumlah ini lebih rendah berbanding Belanjawan 2023 sebanyak RM64 bilion yang dijangka bertambah kepada RM81 bilion tahun ini susulan langkah kerajaan mengekalkan harga barang bersubsidi di tengah-tengah kenaikan luar jangka harga komoditi dunia.

Namun, subsidi lebih memanfaatkan golongan kaya dan harga yang murah pula meningkatkan ketirisan serta penyeludupan ke luar negara, selain turut dirup lebih 3.5 juta warga asing.

Justeru, kerajaan bertekad penyasaran semula subsidi secara berfasa mulai tahun depan bagi membolehkan kerajaan meningkatkan pemberian Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dengan peruntukan ditambah RM2 bilion daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion yang akan memanfaatkan sembilan juta penerima.

Prihatin terhadap kos sara hidup rakyat, kerajaan juga menyediakan RM200 juta untuk meneruskan pelaksanaan Payung Rahmah dengan menawarkan barangan keperluan asas sehingga 30 peratus lebih rendah ke lebih banyak kawasan seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, peruntukan Belanjawan 2024 yang lebih tinggi menunjukkan kerajaan mengamalkan pendekatan fiskal yang mengembangi walaupun pada masa yang sama ber-



tanggungjawab mengurangkan defisit fiskal berperingkat. Beliau mendedahkan Malaysia adalah negara ketiga tertinggi untuk subsidi petrol, iaitu RM2.05 seliter yang lebih murah berbanding pengeluar minyak utama dunia, Arab Saudi pada harga RM2.94 sen.

Malah, jika dibandingkan dengan harga negara serantau yang pendapatannya lebih rendah daripada kita, harga petrol di Indonesia ialah RM4.45 seliter dan Thailand (RM5.99).

"Tidak cukup dengan itu, cukai yang kita pungut pula antara yang terendah di ASEAN, iaitu hanya 11.8 peratus kepada KDKNK berbanding Singapura (12.6 peratus) dan Thailand (16.4 peratus)," katanya.

Justeru, Kerajaan Perpaduan bertanggungjawab meluaskan asas hasil sebagai langkah meningkatkan mutu perkhidmatan dan bantuan kepada rakyat.

Reformasi percutialan

Mulai tahun depan, beberapa langkah reformasi percutialan akan turut dilaksanakan bagi meluaskan asas hasil negara, tanpa membebankan majoriti rakyat.

Antaranya, cadangan menaikkan kadar cukai perkhidmatan kepada lapan peratus berbanding enam peratus, tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan, minuman dan telekomunikasi, menguatkuasakan Cukai Keuntungan Modal pada kadar 10 peratus mulai 1 Mac 2024, mengubal perundangan baharu bagi melaksanakan Cukai Barang Bernalih Tinggi pada kadar lima hingga 10 peratus untuk produk bernalih tinggi seperti barang kemas, jam tangan, selain melaksanakan cukai minimum global pada 2025.

Kerajaan juga bersetuju menguatkuasakan e-invois secara mandatori kepada pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta mulai 1 Ogos 2024.

Dalam usaha melonjakkan Malaysia sebagai jaguh ekonomi serantau, struktur ekonomi negara perlu dirombak dan disusun se-

mula supaya potensi yang ada dapat dikembangkan. Antara lain ialah dengan memberikan keutamaan kepada sektor pertumbuhan tinggi bernilai tinggi (HGTV), menjadikan Malaysia destinasi pelaburan, mengantarabangsakan syarikat pelama dan menerajui ekonomi Islam global.

Selain itu, memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan menyediakan pinjaman dan jaminan pembiayaan hingga RM44 bilion.

Menyadari kepentingan ketenteraman makanan sebanyak RM2.6 bilion diperuntukkan bagi menyalurkan pelbagai bentuk subsidi dan insentif kepada pesawah serta nelayan.

Belanjawan 2024 juga terus memperkasakan golongan tumpuan termasuk agenda Bumiputera, golongan wanita dan kanak-kanak, belia, orang asil, orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas.

Sama seperti sebelum ini, pendidikan menerima peruntukan tertinggi iaitu RM58.7 bilion, dengan tumpuan untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah di seluruh negara.

Kementerian Kesihatan pula menerima peningkatan peruntukan terbesar dalam kalangan Kementerian iaitu bagi melaksanakan reformasi kesihatan negara.

Tidak terkecuali, peruntukan untuk projek pembangunan bandar, luar bandar, ketersambungan digital, pengangkutan awam dan perumahan.

Bagi kebajikan penjawat awam, kerajaan sedang menyemak semula skim gaji dan elaun tetap yang kali terakhir dilaksanakan pada 2012, dijangka akan dimuktamadkan akhir tahun depan.

Sementara kajian lengkap, kerajaan bersetuju memberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Sarana Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah, termasuk lantikan kontrak dan RM1,000 kepada semua JUSA melibatkan polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform, yang akan dibayar akhir Februari 2024.

Bayaran insentif RM1,000 turut dipanjangkan kepada pesara kerajaan, veteran berpencah dan veteran tidak berpencah.

Ibadat & Faidil

Anas RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Belum sempurna iman seseorang itu selagi dia tidak mengasihni sesama orang Islam seperti dia mengasihni dirinya sendiri." (HR Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:57	1:07	4:24	7:06	8:15
Alor Setar	5:56	1:07	4:24	7:05	8:15
P. Pinang	5:56	1:07	4:24	7:06	8:16
Ipo	5:54	1:05	4:21	7:04	8:14
Kuala Lumpur	5:50	1:02	4:18	7:02	8:12
Shah Alam	5:50	1:02	4:18	7:02	8:12
Johor Bahru	5:41	12:54	4:07	6:55	8:04
Kuantan	5:45	12:57	4:11	6:57	8:06
Seremban	5:49	1:01	4:15	7:02	8:11
Bandar Melaka	5:47	1:00	4:14	7:01	8:10
Kota Bharu	5:49	1:00	4:17	6:59	8:04
K. Terengganu	5:45	12:56	4:12	6:55	8:05
Kota Kinabalu	5:55	12:45	4:22	6:58	8:16
Kuching	5:16	12:29	3:42	6:30	7:39